LATIH DIRI

Selesaikan masalah berikut.



(a) Anthiri dan keluarganya menaiki feri ke Pulau Langkawi dari Kuala Kedah untuk bercuti. Feri bertolak pada jam 1420. Mereka sampai di Jeti Kuah, Pulau Langkawi pada jam 1605. Kira tempoh, dalam jam dan minit, perjalanan mereka itu.

	jam		minit

(b) Danish dilahirkan pada 10 November 2004. Ayahnya dilahirkan pada 7 Jun 1970. Berapakah beza umur mereka?

	tahun		bulan		hari

(c) Jadual yang tidak lengkap di bawah memaparkan maklumat tentang satelit yang dilancarkan oleh Amerika Syarikat bagi mengumpul imej di permukaan bumi.





Jenis satelit	Tarikh lancar	Tarikh tamat	Tempoh
Landsat 5	1 Mac 1984	5 Jun 2013	
Landsat 7	15 April 1999	11 Januari 2015	

i. Kira tempoh dan lengkapkan jadual di atas.

Landsat 5 ____

Landsat 7 ____

ii. Satelit yang manakah lebih lama berada di angkasa, dan berapa lamakah perbezaan masa itu?

Landsat ____ ____

(d) Jadual kereta api yang ditunjukkan telah terkoyak. Tempoh perjalanan kereta api itu ialah 3 jam 45 minit. Bilakah waktu kereta api itu tiba ke destinasinya?

Destinasi	Bertolak	Tiba
Tenom	jam 1025	

____

(e) Kim Leong menghadiri Kursus PLKN selama 3 bulan 5 hari. Kursusnya itu berakhir pada 31 Disember 2016. Bilakah tarikh kursus itu bermula?

____

LIVEWORKSHEETS